



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MENTADABBUR SURAH AL-MULK”

6 Mac 2026 / 16 Ramadan 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَفَرَضَ عَلَيْنَا الصَّلَاةَ وَالصِّيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Menjelang sambutan Nuzul al-Quran serta bersempena kempen tadabbur surah al-Mulk yang dilancarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak, mimbar menyeru ummah untuk menghayati khutbah bertajuk:

“MENTADABBUR SURAH AL-MULK”

Tadabbur bermaksud merenung, menghayati dan memahami makna ayat al-Quran secara mendalam untuk mengambil pengajaran serta hikmah; bukan sekadar membaca lafaznya. Tadabbur melibatkan pemikiran mendalam mengenai isyarat Allah SWT sehingga terkesan di hati, bertujuan untuk diterapkan dalam kehidupan harian.

Surah al-Mulk merupakan surah *al-Makkiyah*, mengandungi 30 ayat, surah ke-67 dalam al-Quran. Dinamakan Surah ‘*al-Mulk*’ bermaksud “kerajaan”, merujuk pada kekuasaan mutlak Allah SWT ke atas seluruh alam ciptaan Nya. Surah *al-Mulk* memperingatkan manusia kedahsyatan seksaan azab neraka di samping menekankan kewajipan bertakwa, beramal soleh dan menghindari sikap lalai daripada tanggungjawab.

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Berpandukan beberapa riwayat yang sahih, Rasulullah SAW dikatakan membaca Surah *al-Mulk* bersama Surah *as-Sajdah* pada setiap malam sebelum tidur. Mimbar menyeru ummah agar mencontohi sunnah Nabi SAW, mengamalkan bacaan surah *al-Mulk* setiap malam sebagai suatu kelaziman.

Jemaah yang dimuliakan

Surah *al-Mulk* mengandungi pengajaran berharga. Sesiapa yang mentadaburkan Surah *al-Mulk* akan meningkatkan ketakwaan dan sifat kehambaannya. Mimbar memilih menyampaikan tiga pengajaran daripada surah *al-Mulk*:

Pertama: Melalui ayat pertama, Allah SWT berfirman bahawa Dialah pemilik dan penguasa mutlak bagi alam semesta:

﴿تَبَرُّكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

Bermaksud: Maha Berkat (serta Maha Tinggi kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat). Dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Ayat ini mendidik hati manusia supaya tunduk dan patuh kepada syariat dan hukum Allah sebagai tanda mengakui kekuasaan Nya. Allah SWT menganugerahi kekuasaan sementara kepada manusia untuk manusia mentadbir urusan dunia dengan keadilan berlandaskan syariat Ilahi. Malangnya segelintir manusia apabila diamanahkan dengan tanggungjawab kepimpinan, tergamak menyalahgunakan kuasa hingga ke peringkat menzalimi orang lain, menipu dan menyeleweng dana awam, melakukan rasuah, dan bersifat tamak mengaut keuntungan; terlupa bahawa kuasa dan tanggungjawab yang diamanahkan akan dipersoalkan pada hari kebangkitan.

Kedua: Firman Allah melalui ayat kedua menegaskan bahawa Dialah yang mencipta kematian dan kehidupan untuk menguji siapakah manusia yang lebih baik amalannya. (أَحْسَنُ عَمَلًا) bermaksud amalan yang paling baik, bukan amalan yang paling banyak kerana amalan yang banyak belum tentu diterima jika dicemari sifat mazmumah. *Al-Razi* dalam tafsirnya mencatatkan,

sebaik-baik amalan mestilah berpandukan dua syarat, pertama, ikhlas kerana Allah SWT dan kedua, bertepatan dengan ajaran Nabi SAW.

Ketiga: Melalui ayat 13, Allah SWT menegaskan Allah Maha Mengetahui segala yang nyata dan tersembunyi;

﴿وَأَسِرُّوا قَوْلَكُمْ أَوِ اجْهَرُوا بِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ﴾ (13)

Bermaksud: Dan tuturkanlah perkataanmu dengan perlahan atau nyaring (sama sahaja keadaannya kepada Allah) kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada.

Ayat tersebut mengajar kita bahawa tidak ada satu pun yang tersembunyi daripada pengetahuan Allah; membuatkan kita takut untuk menderhakai Allah SWT. Manusia apabila tidak merasai diawasi Allah, dan tidak merasai Allah Maha Melihat, akan menganggap selamat untuk melakukan maksiat secara tersembunyi. Maka tidak hairanlah terdapat segelintir manusia bersifat tidak bertanggungjawab, menyebarkan fitnah, ulasan, sindiran dan mesej berbaur hasutan di media sosial dengan menggunakan akaun palsu, atau membuat tuntutan palsu, atau menonton bahan lucah, atau membatalkan puasa secara sembunyi dan seumpamanya. Sedarlah bahawa dalam keadaan apa sekalipun, Allah SWT Maha Melihat dan malaikat Raqib dan Atid sentiasa mencatat.

Jemaah Rahimakumullah

Membaca Surah *al-Mulk* menjanjikan pembacanya mendapat beberapa kelebihan:

Pertama: Mendapat syafaat di akhirat

Surah *al-Mulk* memberi syafaat kepada orang yang membacanya secara istiqamah hingga diampunkan dosanya. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ سُورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ ثَلَاثُونَ آيَةً شَفَعَتْ لِرَجُلٍ حَتَّى غُفِرَ لَهُ وَهِيَ: {تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ}

Bermaksud: Sesungguhnya satu surah dalam al-Quran yang mengandungi tiga puluh ayat, ia memberi syafaat kepada pembacanya hingga diampunkan dosanya. Ia adalah surah '*Tabarakallazi biyadihil Mulk*'. (Hadis riwayat Abu Daud)

Kedua: Selamat daripada seksa azab kubur

Ibnu Abbas RA meriwayatkan beberapa orang sahabat Nabi menggali tanah tanpa menyangka tanah tersebut ialah kubur. Lalu didapati padanya seorang lelaki yang membaca Surah *al-Mulk* hingga tamat. Lantas beliau menemui Nabi SAW lalu berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya aku menggali tanah tanpa aku menyangka itu adalah kubur, dan aku dapati seorang lelaki membaca surah *al-Mulk* sehingga khatam. Maka jawab Baginda SAW, surah tersebut adalah penegah, penyelamat yang menyelamatkan tuannya daripada azab kubur. (Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Nyatalah surah *al-Mulk* mempunyai kelebihan yang besar di dunia dan akhirat. Mentadaburkan surah *al-Mulk* menjadikan kita Mukmin yang lebih bertakwa, hidup dipenuhi ketaatan, di samping menjauhkan diri daripada perbuatan dosa dan maksiat. Semaikan azam untuk istiqamah membaca dan mentadaburkan surah *al-Mulk* setiap malam agar kita dikurniakan ganjaran pahala, bahagia di dunia – selamat di akhirat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Bimbing kami mengikuti sunnah kekasih Mu membaca surah *al-Mulk* setiap malam sebelum tidur. Jadikan surah *al-Mulk* sebagai syafaat untuk kami di akhirat dan penyelamat daripada seksa azab kubur.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.